

22 MAY 2002

Pelajar-Kala Pattar (Bergambar)

PELAJAR UITM BERHASRAT DAKI GUNUNG EVEREST BAGI CABARAN KEDUA

KOTA BAHARU, 22 Mei (Bernama) -- Seorang daripada 26 pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang berjaya mendaki Gunung Kala Pattar di Nepal pada 1 Mei lepas berhasrat untuk menakluki Gunung Everest pula sebagai cabaran kedua.

Muhammad Fauzi Jasni, 19, berkata beliau menjadikan dua pendaki negara yang berjaya mendaki gunung tertinggi di dunia itu pada 1997

-- M. Mahendran dan N. Mohanandas -- sebagai contoh bahawa rakyat negara ini mampu melakukannya.

"Kejayaan mendaki Gunung Kala Pattar telah membakar semangat saya untuk mendaki Gunung Everest pula dan saya tahu saya mampu melakukannya," kata Muhammad Fauzi kepada Bernama di sini, hari ini.

Pelajar Diploma Pengajian Maklumat di UiTM Shah Alam itu menyertai rakan-rakannya yang lain dalam "XPDC Kala Pattar And Everest Base Camp 2002" UiTM dari 20 April hingga 7 Mei lepas.

Gunung Kala Pattar adalah setinggi 5,545 meter atau kira-kira dua kali lebih tinggi dari Gunung Kinabalu dan sering dijadikan ujian oleh pendaki sebelum ke Gunung Everest.

Muhammad Fauzi berkata ketika di gunung itu kumpulan pelajar itu termasuk enam pelajar perempuan telah memacak beribu-ribu bendera kecil Jalur Gemilang bagi membentuk huruf "M" sejauh 4,000 meter ketika pendakian.

Huruf "M" dipilih kerana ia boleh membawa makna Malaysia, Mahathir, MARA, Melayu dan Muslim.

Kesemua pelajar itu mendapat tunjuk ajar daripada seorang pendaki negara ke Gunung Everest, Fauzan Hassan yang juga merupakan kakitangan universiti itu.

Muhammad Fauzi yang berasal dari Kampung Tanjung Mas di sini juga berkata persiapan rapi mendaki Gunung Kala Pattar telah diatur sejak penghujung tahun lepas lagi dengan mendaki beberapa gunung di negara ini sebagai ujian termasuk Bukit Taboh, Gunung Ledang, Gunung Nuang, Gunung Berinchang dan Genting Highland.

"Masalah dihadapi kerana apabila sampai di Gunung Kala Pattar didapati sejuknya melebihi paras beku menyebabkan ramai daripada pendaki mendapat sakit kepala," katanya.

Katanya selain itu ramai daripada mereka juga keracunan makanan tetapi mereka bersyukur kerana kesemuanya selamat sampai ke puncak gunung tersebut.

Beliau sendiri mendapat cirit-birit yang teruk ketika di pertengahan jalan tetapi meneruskan pendakian itu atas dorongan rakan-rakannya yang lain.

Pelajar itu yang berkata beliau tidak pernah terbabit dalam bidang pendakian sebelum ini, gembira dapat melakukannya atas dorongan keluarganya yang tidak putus-putus memberikan perangsang.

"Sebelum ini saya adalah pelumba basikal yang mewakili Kelantan dalam acara merentas desa serta lebuh raya dan tidak pernah termimpi untuk beralih kepada mendaki gunung," katanya.

Muhammad Fauzi turut menasihati remaja terutamanya yang suka menghabiskan masa dengan melepak supaya menceburi bidang sukan lasak seperti mendaki gunung kerana ternyata ia memberikan kepuasan selain mengharumkan nama negara.

-- BERNAMA

ZI RAR NMO